

# Operasi haji lancar walau suhu panas

KOEN

10/7/2023 11:5

**PUTRAJAYA** — Operasi jemaah haji Malaysia tahun ini dengan kuota penuh 31,600 jemaah buat kali pertama dalam tempoh empat tahun, berjalan lancar biarpun berdepan beberapa keadaan cuaca panas.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Mohd. Na'im Mokhtar berkata, antara cabaran terbesar musim haji kali ini ialah keadaan cuaca yang panas mencecah antara 38 hingga 48 derjah Celsius serta jumlah jemaah mencecah hampir dua juta orang mengerjakan haji di Tanah Suci.

Namun, beliau bersyukur apabila kumpulan jemaah haji Malaysia terus menerima pengiktirafan Arab Saudi sebagai jemaah haji berdisiplin dan mempunyai sikap baik selain berilmu.

"Kerajaan Arab Saudi turut mengiktiraf Tabung Haji (TH) apabila TH menerima Anugerah Labbaitom bagi Kategori Kepuasan Tertinggi Dalam Perkhidmatan Yang Disediakan Oleh Pejabat Urusan Haji," katanya ketika ditemui selepas menyambut kepulangan 350 jemaah haji Malaysia yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini kelmarin.

Kumpulan itu tiba pada pukul 9.55 malam menerusi penerbangan Saudia Airlines SV5610 yang berlepas dari Jeddah pukul



**MOHD NA'IM** (dua dari kiri) ketika menyambut ketibaan jemaah haji di KLIA, Sepang kelmarin.

8 pagi (waktu Arab Saudi).

Ujarnya, ketika ini, seramai 70 jemaah masih dirawat di Pusat Rawatan TH di Mekah dan Hospital Arab Saudi, manakala sembilan orang meninggal dunia di Tanah Suci setakat ini.

Jelasnya, TH juga akan mengadakan mesyuarat penutupan dengan pelbagai kementerian dan agensi penyedia perkhidmatan haji di Arab Saudi bagi menilai semula tahap perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan pada musim haji tahun ini.

"Antara isu yang akan dibincangkan termasuk masalah berkaitan kemudahan di Mina

serta beberapa isu lain yang dibangkitkan jemaah," katanya.

Sementara itu, Pengurus Lembaga Tabung Haji, Tan Sri Azman Mokhtar berkata, TH akan memberi penambahbaikan bagi memastikan kecemerlangan perkhidmatannya.

Katanya, sebanyak 25 inisiatif berjaya dilaksanakan TH bagi musim haji tahun ini termasuk inisiatif program pendidikan kesihatan kepada jemaah melalui 'Ziarah Rahmah', Pusat Rawatan TH di Madinah dan perkhidmatan mesin ATM di penginapan jemaah haji Malaysia di Tanah Suci.